

Teks Ucapan Perasmian

YB Puan Suraya Yaacob
ADUN N.19 Sungai Tiang

Seminar "**Perlindungan Pengguna Komunikasi dan Multimedia**"

Assalamualaikum warahmatullahitaallahi wa barakatuh, salam sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang saya hormati, **Tuan Haji Khairuddin Yunus**
Pengerusi, Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM)

Yang berusaha **Encik Muhamad Tahir Muhamad Noor**
Pengarah Eksekutif, CFM

En. Ismail Othman
Pengarah Operasi Pejabat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Wilayah Utara

Encik Azizan Afandi
Timbalan Pengarah Jabatan Pematuhan, SKMM

Ketua-Ketua Jabatan, Pengerusi–Pengerusi JKKKP dan JKKK, Ketua-Ketua Masyarakat, kakitangan jabatan dan agensi, wakil-wakil industri dan media, tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang saya hormati sekalian.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para penganjur iaitu Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kerana sudi menjemput saya bagi merasmikan majlis ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada hadirin sekalian kerana dapat menghadirkan diri pada Seminar Perlindungan Pengguna Komunikasi dan Multimedia.

PERLINDUNGAN PENGGUNA

Saya merasakan isu perlindungan pengguna komunikasi dan multimedia yang bakal dibincangkan ini bertepatan dengan masanya kerana teknologi komunikasi dan multimedia kini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan kita. Penggunaan teknologi komunikasi dan multimedia yang efektif memudahkan kita melakukan tugas seharian, berkomunikasi, berniaga, berubat, menimba ilmu pengetahuan dan sebagainya. Kalau dulu kita perlu berjalan jauh dan beratur di kaunter untuk membuat pembayaran bil elektrik atau air, kini kita cuma perlu melakukan pembayaran melalui perbankan internet. Kalau dulu kita bersusah payah mencari pelanggan untuk membeli hasil tani kita, kini tidak perlu lagi kerana pemasaran dan jual beli boleh dibuat melalui internet. Banyak lagi contoh kemudahan yang kita dapati daripada penggunaan teknologi komunikasi dan multimedia ini.

Namun begitu, kemudahan sebegini datang dengan cabaran-cabaran dan keburukan-keburukannya sendiri. Kita lebih mudah terdedah kepada budaya-budaya dan unsur-unsur yang negatif. Kita lebih terdedah kepada mereka-mereka yang mahu melakukan penipuan, penyelewengan dan pembohongan. Saya dimaklumkan bahawa jumlah kes-kes penipuan melalui SMS dan e-mel telah meningkat sekali ganda pada tahun ini berbanding dengan jumlah yang dicatatkan pada tahun lepas. Ini bermakna, inisiatif untuk melindungi pengguna komunikasi dan multimedia perlu dilipat-gandakan lagi. Setiap pengguna mempunyai hak yang perlu dilindungi. Oleh itu, kesedaran tentang hak pengguna amat penting supaya pengguna memahami isu ini serta mampu bertindak mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam melindungi hak mereka.

PENAMBAHBAIKAN PRASARANA

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam mengharungi era globalisasi, negara kita tidak boleh ketinggalan di dalam pembangunan dan persaingan dengan negara-negara lain terutamanya dari segi kemajuan bidang komunikasi dan multimedia. Sepertimana hasrat Perdana Menteri kita yang mahukan Malaysia melonjak menjadi sebuah negara berekonomi tinggi, kita harus beranjak kepada satu bentuk ekonomi baru berasaskan inovasi, kreativiti dan nilai tambah tinggi untuk kekal relevan dalam persaingan ekonomi global. Namun begitu, bagi memastikan hasrat ini tercapai, kualiti perkhidmatan harus diberi perhatian, pembangunan sumber manusia harus dipertingkatkan dan isu hak pengguna juga perlu diambil berat.

Saya mendapat banyak aduan daripada penduduk setempat mengenai pelbagai kekurangan yang dihadapi berhubung prasarana dan kualiti perkhidmatan komunikasi dan multimedia. Antaranya, siaran TV tidak jelas atau selalu terganggu, panggilan melalui talian telefon selular terputus, liputan perkhidmatan telefon selular tidak memuaskan, kelajuan akses kepada internet terlalu perlahan atau tidak ada, penghantaran surat lambat atau ke alamat yang salah dan sebagainya. Saya yakin pihak panel akan mendengar aduan-aduan ini pada penghujung seminar nanti. Saya ingin menyeru supaya aduan-aduan ini diambil perhatian yang serius dan tindakan segera yang sewajarnya diambil untuk menangani dan menyelesaikan masalah yang dihadapi demi kebaikan bersama.

Saya juga ingin menyeru jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai projek-projek pembangunan prasarana komunikasi dan multimedia untuk menyalurkan bantuan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut demi manfaat penduduk di Pendang ini. Saya berterima kasih kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan juga jabatan-jabatan yang lain kerana telah banyak menyumbang untuk membangunkan pusat-pusat jalur lebar komuniti dan juga perpustakaan jalur lebar yang telah memberi banyak faedah kepada penduduk di sini. Diharapkan sokongan yang lebih padu dapat diberikan pada masa akan datang.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya amat berharap agar perkara yang akan dibincangkan dalam seminar hari ini mampu memberi kesedaran tentang hak kita sebagai pengguna perkhidmatan komunikasi dan multimedia sekaligus membantu para pemberi perkhidmatan mengenalpasti masalah serta meningkatkan tahap perkhidmatan mereka. Dengan inisiatif sebegini, adalah diharapkan hasrat negara untuk melihat bidang komunikasi dan multimedia terus menerajui kemajuan negara akan dapat direalisasikan. Saya juga berharap agar kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dalam seminar ini mampu memberi impak yang positif kepada pembangunan teknologi di Malaysia.

Dengan ini, saya merasmikan Seminar **"Perlindungan Pengguna Komunikasi dan Multimedia"**

Sekian, terima kasih.